

14 DEC 1998

Asean-Kemboja/I

TIADA KATA SEPAKAT MENGENAI KEMASUKAN KEMBOJA DALAM ASEAN

HANOI, 15 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean gagal mencapai kata sepakat untuk menerima masuk Kemboja sebagai anggota ke 10 perkumpulan serantau itu di Sidang Kemuncak Asean keenam selepas mesyuarat tiga jam di sini, malam ini.

Presiden Filipina Joseph Estrada secara tidak langsung menyatakan perkara itu apabila beliau memberitahu pemberita, Kemboja akan diterima sebagai anggota Asean pada forum yang sesuai pada tarikh kemudian.

Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazon juga secara tidak langsung menyatakan perkara itu apabila beliau berkata yang Perdana Menteri Kemboja Hun Sen yang turut berada di sini tidak akan "duduk" di perasmian sidang kemuncak itu di sini, esok.

Siazon berkata, para pemimpin telah bersetuju untuk menerima Phnom Penh pada tarikh terkemudian "tetapi bukan di Hanoi."

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata pemimpin-pemimpin Asean telah bersetuju untuk membenarkan Vietnam, tuan rumah sidang kemuncak itu untuk mengumumkan keputusan mengenai kemasukan Kemboja.

"Perjanjian kita ialah kita minta Vietnam membuat pengumuman supaya tiada perbezaan," kata beliau kepada pemberita-pemberita Malaysia.

Ditanya sama terdapat kata sepakat di kalangan pemimpin-pemimpin Asean, Dr Mahathir berkata "ada kata sepakat (dan) ada sedikit perbezaan pendapat."

"Itu sahaja yang saya boleh katakan. Yang lain anda kena tanya Vietnam," katanya lagi.

Seorang pegawai Asean berkata, Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai dijangka membuat pengumuman mengenai keputusan pemimpin-pemimpin itu esok.

Kemasukan Kemboja dalam Asean ditangguhkan pada Julai 1997 selepas Hun Sen mengulingkan Perdana Menteri Bersama Putera Norodom Ranariddh dalam pergelutan kuasa.

Kedua-dua pemimpin itu bulan lepas bersetuju membentuk perikatan baru antara parti politik masing-masing yang akan diketuai oleh Hun Sen.

-- BERNAMA

ES PR